

## NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI PENGGUNA

### PENGGUNA YANG DIHORMATI;

Kami, Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) sentiasa komited dalam melindungi privasi dan data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta 709").

Notis ini menjelaskan:

- jenis-jenis data peribadi anda yang kami kumpulkan dan bagaimana kami mengumpul data peribadi anda;
- bagaimana kami menggunakan data peribadi anda;
- pihak-pihak yang kami dedahkan data peribadi anda; dan
- pilihan-pilihan yang kami tawarkan, termasuk cara mengakses dan mengemaskini data peribadi anda.

### PENGUMPULAN DATA PERIBADI ANDA

Kami akan memproses data peribadi yang diberikan oleh anda kepada pihak SAINS atau wakilnya seperti berikut bagi proses pembekalan air dan perkhidmatan lain yang diberikan yang berkaitan dengan bekalan air:

- Nama
- Nombor Kad Pengenalan / passport
- Maklumat perhubungan
- Butiran terperinci seperti alamat premis berkenaan, no. telefon bimbit, no. telefon, rumah/pejabat, no faks dan alamat e-mail
- Maklumat akaun bil air
- Lain-lain Data Peribadi yang diperolehi dari dokumen perundangan termasuk dan tidak terhad kepada Perjanjian Jual Beli, Perjanjian Sewaan, Surat Kuasa Mentadbir, Sijil Pengesahan Wasiat, Surat Kuasa Wakil, Sijil Kelahiran Dan Sijil Kematian
- rakaman imej anda melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di mana-mana pejabat, atau Pusat Khidmat Pelanggan SAINS

### SUMBER PENGUMPULAN DATA PERIBADI ANDA

Kami mungkin mengumpulkan data peribadi sama ada daripada anda, daripada wakil yang anda beri kuasa, daripada pihak ketiga atau daripada sumber boleh didapati secara umum yang mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- apabila anda mendaftar untuk perkhidmatan kami (contohnya ketika anda menyerahkan borang permohonan untuk menjadi pelanggan kami) di Pusat Khidmat Pelanggan SAINS
- apabila anda mengisi maklumat menerusi saluran digital seperti iSAINS atau secara atas talian seperti Sistem Maklumat Pelanggan SAINS dan melalui borang-borang yang dimuat turun dari laman sesawang [www.sainswater.com](http://www.sainswater.com);
- apabila anda berhubung dengan kami melalui panggilan telefon (contohnya ketika anda menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan, aduan, komen atau maklum balas, kami mungkin menyimpan rekod komunikasi tersebut);
- apabila anda menyertai mana-mana kaji selidik, soal selidik, pertandingan, tawaran, atau promosi SAINS;
- apabila anda berinteraksi dengan kami melalui media sosial atau aplikasi interaktif termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook;
- apabila kami mengumpul maklumat anda daripada pihak ketiga yang berurusan dengan kami atau yang berkaitan dengan anda (cth: tukang paip atau agensi-agensi pelaporan kredit atau pemaju); atau
- daripada sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran kepada pendedahan data peribadi anda dan/atau dibenarkan oleh undang-undang.

### TUJUAN PEMPROSESAN DATA PERIBADI ANDA

Kami akan memproses data peribadi anda bagi tujuan berikut :

- (a) untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air kepada anda;
- (b) untuk menyenggara sistem bekalan air;
- (c) untuk memproses data air;
- (d) untuk membaca meter dan mengeluarkan bil air kepada anda dan untuk mengutip caj perkhidmatan bekalan air;
- (e) untuk menyenggara pangkalan data perkhidmatan pelanggan dan bagi apa-apa kegunaan perkhidmatan pelanggan;
- (f) bagi maksud penyelidikan termasuk penyimpanan rekod sejarah dan statistik;
- (g) untuk mendapatkan wang yang kena dibayar dan pemulihan bayaran;
- (h) untuk memenuhi keperluan perundangan dan statutori;
- (i) untuk menyiasat aduan dan kesalahan; dan
- (j) untuk berkomunikasi dengan anda.

Data peribadi dan maklumat anda sangat diperlukan oleh SAINS bagi tujuan menyediakan perkhidmatan bekalan air dan agar tidak menjelaskan keupayaan kami untuk memberikan perkhidmatan seperti dinyatakan di atas.

### **PEMPROSESAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami memproses data peribadi anda hanya di dalam Malaysia sahaja. Tiada data peribadi yang akan dipindahkan ke luar Malaysia.

### **PERKONGSIAN DATA PERIBADI ANDA**

Tertakluk kepada pematuhan undang-undang dan kewajipan pengawalseliaan, kami mungkin akan menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak yang dinyatakan seperti dibawah bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan –

- kontraktor dan pemberi perkhidmatan yang membekalkan perkhidmatan yang berkaitan dengan tujuan data peribadi tersebut dikumpul;
- pihak ketiga yang membekalkan perkhidmatan pemprosesan data;
- operator perkhidmatan pembentungan;
- agensi kutipan hutang dan agensi pelapor kredit yang dilantik oleh SAINS, dalam keadaan di mana terdapat keingkaran dalam pembayaran caj perkhidmatan bekalan air yang dikenakan oleh SAINS;
- Mana-mana badan perundangan (regulatory bodies) atau agensi penguatkuasaan undang-undang atau orang perseorangan yang berhak melalui Perintah Mahkamah atau proses undang-undang
- Peguam yang dilantik untuk melindungi dan mempertahankan hak atau harta syarikat, kakitangannya dan syarikat-syarikat yang berkaitan dan/atau kumpulan syarikatnya.
- Juru audit, akauntan or professional konsultan yang dilantik oleh SAINS
- mana-mana orang yang berada di bawah obligasi kerahsiaan yang telah memberikan akuanji untuk menyimpan data itu sebagai data sulit .

Kami akan membenarkan pihak ketiga mengakses sistem SAINS bagi tujuan menyediakan perkhidmatan teknikal yang diperlukan dan untuk memberikan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan bagi pihak SAINS, dengan syarat bahawa pihak ketiga tersebut terikat dengan Polisi Privasi SAINS.

### **LANGKAH KESELAMATAN**

Kami mengambil langkah-langkah keselamatan berikut untuk melindungi data peribadi anda:

1. Memastikan data peribadi anda disimpan dengan sebaiknya mengikut kehendak Akta 709.
2. Memastikan pekerja kami tidak menyalahgunakan data peribadi anda.
3. Mengambil segala usaha yang munasabah dan langkah-langkah praktikal untuk memastikan bahawa sebarang data peribadi yang disimpan oleh SAINS dilindungi daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suaihan, akses atau pendedahan tanpa persetujuan atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan.

Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap data peribadi anda.

### **TEMPOH PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami akan hanya menyimpan data peribadi anda sepanjang tempoh kami menyediakan perkhidmatan kepada anda sebagai memenuhi keperluan peraturan dan perundangan dan memenuhi keperluan dalaman SAINS. Jika data peribadi anda tidak lagi memenuhi mana-mana keperluan di atas dan anda tidak lagi menjadi pelanggan kami, SAINS akan memusnahkan dan memadamkan secara kekal data peribadi anda selepas tahun ke sepuluh (10) anda tidak lagi menjadi pelanggan SAINS.

### **AKSES, PEMBETULAN DAN ADUAN**

Anda boleh pada bila-bila masa (tertakluk kepada fi) mengemukakan permohonan bertulis meminta akses membuat pembetulan atau memohon untuk menghadkan pemprosesan terhadap data peribadi atau untuk apa-apa aduan ke alamat dan e-mel seperti berikut :-

### **PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN**

#### **AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS)

Tingkat 2, Kompleks PKNNS

Jalan Persiaran S2/B2, Seremban 2,  
70300 Seremban, Negeri Sembilan

Telefon : 06-6033 500  
Faks : 06-6017 513

Notis ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan. Jika terdapat percanggahan diantara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan pada Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Notis ini berkuatkuasa pada 4 Mac 2016.

Kali terakhir Notis Perlindungan Data Peribadi ini dikemaskini adalah pada 30 September 2022.